

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Rabu, 27 September 2023



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
BAGI INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI,
MALAYSIA, OGOS 2023

**Kedua-dua Indeks Nilai Seunit Eksport dan Import masing-masing meningkat
0.5 peratus dan 1.0 peratus pada Ogos 2023**

PUTRAJAYA, 27 SEPTEMBER 2023 – Harga eksport Malaysia pada Ogos 2023, meningkat secara marginal 0.5 peratus daripada 141.6 mata pada bulan sebelumnya kepada 142.3 mata. Begitu juga, harga import turut naik 1.0 peratus daripada 127.6 mata kepada 128.8 mata manakala terma perdagangan Malaysia jatuh 0.5 peratus bulan ke bulan kepada 110.5 mata pada Ogos 2023, sebagaimana dipaparkan oleh laporan **INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI (2010=100), Ogos 2023** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik indeks nilai seunit, indeks volum dan terma perdagangan meliputi 10 seksyen komoditi produk barangan selaras dengan Klasifikasi Standard Perdagangan Antarabangsa (SITC).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Indeks nilai seunit eksport meningkat secara marginal 0.5 peratus pada Ogos 2023 berbanding bulan sebelumnya, disumbangkan oleh kenaikan indeks minyak galian (+5.0%) dan makanan (+0.3%). Walau bagaimanapun, indeks volum eksport menurun 1.9 peratus pada bulan yang sama, selaras dengan penurunan indeks bahan mentah tidak boleh dimakan (-11.0%), dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-10.7%). Indeks volum

eksport pelarasan bermusim meningkat 3.5 peratus daripada 155.8 mata kepada 161.3 mata. Merujuk kepada perbandingan tahunan, indeks nilai seunit dan indeks volum masing-masing menurun 4.0 peratus dan 15.2 peratus.


Indeks nilai seunit import turut meningkat 1.0 peratus pada Ogos 2023, disumbangkan oleh peningkatan indeks minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (+9.6%), minyak galian (+7.0%) dan makanan (+0.3%). Manakala, indeks volum import merosot 2.6 peratus pada Ogos 2023 berbanding bulan sebelum, disumbangkan oleh kemerosotan indeks minyak galian (-17.1%), bahan kimia (-3.0%) dan barang-barang keluaran kilang (-2.7%). Indeks volum import pelarasan bermusim susut 2.2 peratus daripada 174.2 mata kepada 170.4 mata. Perbandingan tahun ke tahun juga menunjukkan indeks nilai seunit import dan indeks volum masing-masing berkurang 2.7 peratus dan 18.9 peratus.”

Di samping itu, terma perdagangan Malaysia jatuh 0.5 peratus bulan ke bulan kepada 110.5 mata pada Ogos 2023, didorong oleh kejatuhan indeks minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (-9.2%), minyak galian (-1.9%) dan pelbagai barang keluaran kilang (-0.9%). Terma perdagangan Malaysia tahun ke tahun turut susut 1.3 peratus daripada 111.9 mata pada Ogos tahun lalu.

DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.



**Carta 1: Peratus Perubahan Bulan ke Bulan bagi Indeks Nilai Seunit Eksport & Import
Januari 2021 – Ogos 2023**

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
27 SEPTEMBER 2023**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, September 27th 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT
FOR EXTERNAL TRADE INDICES,
MALAYSIA, AUGUST 2023**

***Export and Import Unit Value Indices increased by 0.5 per cent and 1.0 per cent
in August 2023, respectively***

PUTRAJAYA, SEPTEMBER 27, 2023 – Malaysia's export prices in August 2023 increased marginally by 0.5 per cent from 141.6 points in the previous month to 142.3 points. Similarly, import prices also rose 1.0 per cent from 127.6 points to 128.8 points, while Malaysia's terms of trade slipped 0.5 per cent month-on-month to 110.5 points in August 2023 as reported today in **EXTERNAL TRADE INDICES (2010=100), August 2023**. This publication presents the unit value index, volume index and terms of trade for 10 commodity sections of merchandise products in accordance with the Standard International Trade Classification (SITC).

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The export unit value index went up marginally by 0.5 per cent in August 2023 as compared to the previous month, led by the increase in the index of mineral fuels (+5.0%) and food (+0.3%). In addition, the export volume index fell by 1.9 per cent in the same month, in line with the fall in the index of inedible crude materials (-11.0%) and machinery & transport equipment (-10.7%).

The seasonally adjusted export volume index escalated by 3.5 per cent from 155.8 points to 161.3 points. Referring to the annual comparison, the unit value and volume indices decreased by 4.0 per cent and 15.2 per cent, respectively.

The import unit value index also grew by 1.0 per cent in August 2023, contributed by the rise in the index of animal & vegetable oils & fats (+9.6%), mineral fuels (+7.0%) and food (+0.3%). Meanwhile, the import volume index went down 2.6 per cent in August 2023 as compared to the previous month, attributed to the deterioration in the index of mineral fuels (-17.1%), chemicals (-3.0%) and manufactured goods (-2.7%). The seasonally adjusted import volume index shrank 2.2 per cent from 174.2 points to 170.4 points. Year-on-year comparison showed that the import unit value and volume indices decreased by 2.7 per cent and 18.9 per cent, respectively."

On the other hand, Malaysia's terms of trade decreased by 0.5 per cent month-on-month to 110.5 points in August 2023, driven by the drop in the index of animal & vegetable oils & fats (-9.2%), mineral fuels (-1.9%), and miscellaneous manufactured articles (-0.9%). However, Malaysia's terms of trade shrank by 1.3 per cent year-on-year from 111.9 points in August of the previous year.

DOSM is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".




Chart 1: Month-on-Month Percentage Change of Export & Import Unit Value Indices
January 2021 – August 2023

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
27 SEPTEMBER 2023